

# Graduan Matematik Kewangan pilihan sektor kewangan, pelaburan



Walaupun potensi kerjaya graduan bidang itu besar, jumlah pelajar yang berminat mengikutinya masih kurang kerana kurang pendedahan mengenai keistimewaan pengkhususannya.

Nurul Sima berkata, antara punca senario itu kerana kebanyakan pelajar yang mempunyai kekuatan ilmu matematik memilih pengajian sains aktuari yang lebih popular.

Katanya, pelajar kedua-dua bidang pengajian mengikuti subjek yang sama bagi tiga semester pertama dan hanya mendapat pendedahan subjek pengkhususan bidang masing-masing mulai semester keempat.

"Saya percaya jumlah pelajar mengikuti pengajian matematik kewangan akan meningkat kelak apabila kesedaran mengenai potensi kerjaya berkaitannya bertambah.

"Graduan bidang ini perlu bijak menekankan kelebihan mereka dalam melakukan analisis lebih tepat ketika sesi temu duga khususnya supaya majikan faham kelebihan bakal diperoleh dengan memiliki tenaga kerja yang mempunyai kepakaran khusus," katanya.

ran yang lebih tepat dan adil.

"Kemahiran pemikiran analitikal ini sangat diperlukan dalam pelbagai jabatan atau profesion termasuk pengurusan risiko, broker saham, perunding atau pegawai pengurusan insurans serta jabatan kredit dan pelaburan di bank komersial.

## Kurang pendedahan

"Bagi mereka yang ingin kekal dalam bidang matematik, kebanyakannya akan berkhidmat sebagai pensyarah atau pegawai sektor awam termasuk sebagai penyelidik di bahagian perangkaan," katanya.



Kerjaya bidang perundangan dan perniagaan antara bidang berpotensi diceburi graduan matematik kewangan.

Program pengajian Matematik Kewangan masih agak baharu di negara ini dengan hanya beberapa universiti awam menawarkannya, sedangkan keperluan bagi graduan bidang itu semakin relevan.

Ketua Program Matematik Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Nurul Sima Mohamad Shariff, berkata program itu sesuai bagi pelajar yang mempunyai minat dan kelebihan dalam bidang matematik tetapi ingin membina kerjaya luar daripada bidang itu.

Katanya, menerusi subjek seperti kaedah statistik, teknik perkomputeran, kebarangkalian serta persamaan pembeza; pelajar bidang matematik kewangan didedahkan kepada kemahiran pemikiran analitikal.

Beliau berkata, kelebihan itu membolehkan graduan bidang berkenaan menjadi pilihan majikan bagi sektor kewangan, perniagaan, pelaburan dan perbankan.

"Graduan bidang matematik kewangan kini sangat relevan berikutan instrumen kewangan yang semakin kompleks dan berciri kuantitatif.

## Teknik pengkomputeran

"Majikan akan mengutamakan graduan yang bukan sahaja memiliki pengetahuan bidang perniagaan atau pelaburan sahaja, malah memiliki kemahiran berfikir secara analitikal kerana mampu membantu pengurusan

membuat keputusan yang lebih tepat," katanya.

Beliau berkata, pendedahan graduan bidang matematik kewangan yang memanfaatkan pelbagai pengetahuan termasuk teknik pengkomputeran dan kebarangkalian mampu menghasilkan keputusan yang lebih tepat dengan turut mengambil kira faktor pemboleh ubah berkaitan.

Beliau memberi contoh, dalam penetapan harga rumah, graduan bidang

itu akan membuat unjuran faktor berkaitan seperti pendapatan penduduk dan keadaan ekonomi sebagai maklumat tambahan kepada rekod harga pasaran tanah atau rumah, bagi menetapkan kadar yang lebih sesuai.

Katanya, model matematik dibangunkan berasaskan pelbagai maklumat ini membolehkan penganalisis menghasilkan kaitan antara pelbagai pemboleh ubah serta menentukan harga pasa-



Nurul Sima (duduk) memberi penerangan mengenai analisis faktor pemboleh ubah kepada pelajarannya.